



SURAT PEKELILING CIDB - BIL1/2021

PEMAKLUMAN PENGGANTIAN DAN PENGUATKUASAAN

PERINTAH LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (PINDAAN JADUAL KEEMPAT) 2021

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pihak sama ada individu atau organisasi yang berurusan atau mengaku janji untuk berurusan iaitu mengendalikan, menggunakan, mengilangkan, membekalkan, memasarkan, memindahkan, menjual atau membeli, sama ada secara borong atau runcit, mengimport atau mengeksport bahan binaan yang tersenarai dalam Jadual Keempat, bahawa senarai bahan binaan dan standard yang dinyatakan dalam Perintah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan Jadual Keempat) 2016, telah diganti dengan **Perintah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan Jadual Keempat) 2021 (Lampiran A)**. Perintah ini telah berkuatkuasa pada **13 September 2021**.

2. OBJEKTIF PENGGANTIAN

- 2.1 Memastikan setiap bahan binaan yang dikuatkuasakan mematuhi kehendak-kehendak standard yang ditetapkan bagi kegunaan dalam industri pembinaan.
- 2.2 Mempertingkatkan integriti struktur dan daya tahan hasil kerja dan produk pembinaan.
- 2.3 Melindungi pengguna daripada mendapat bahan binaan yang tidak berkualiti serta dapat menjamin keselamatan dan kesihatan awam.

3. PERMOHONAN PERAKUAN PEMATUHAN STANDARD (PPS)

Semua pihak yang berurusan dengan bahan binaan yang disenaraikan di Jadual Keempat boleh memohon dan memperolehi PPS setelah mendapatkan pensijilan produk yang dijalankan oleh badan-badan pensijilan yang diperakukan oleh CIDB dan kemudianya menjalani verifikasi terhadap bahan binaan yang telah mendapat persijilan produk tersebut. Permohonan untuk mendapatkan PPS boleh dibuat melalui laman ccpm.cidb.gov.my. Tatacara untuk memohon Perakuan Pematuhan Standard (PPS) boleh diperolehi melalui laman web rasmi CIDB iaitu di cidb.gov.my.

4. JENIS-JENIS BAHAN BINAAN


Senarai bahan binaan Jadual Keempat yang dikuatkuasakan adalah seperti di **Lampiran A, Surat Pekeliling ini**. Senarai bahan binaan Jadual Keempat itu juga boleh diprolehi menerusi laman web rasmi CIDB iaitu di **cidb.gov.my**.

5. PERINGATAN

Adalah diperingatkan, selaras dengan peruntukan Subseksyen 33D. (2), Mana-mana orang yang berurusan atau mengakujanji untuk berurusan dengan bahan binaan yang dinyatakan dalam Jadual Keempat tanpa pemerakuan CIDB melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang **RM10,000.00** tetapi tidak melebihi **RM500,000.00**.

Sebagai memberi peluang untuk bersiap sedia dan sebagai langkah mengurangkan impak COVID-19 kepada pihak-pihak yang berurusan dengan bahan binaan atau standard baharu (ditanda dengan warna kuning) dalam Lampiran A tersebut, CIDB dijangka akan mempergiatkan penguatkuasaan terhadap bahan binaan atau standard yang baharu dalam Lampiran A tersebut bermula Mac tahun 2022.

“BINA SEMPURNA”


(Datuk Ir. Ahmad Asri Abdul Hamid)
Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
21 September 2021